

0838

R 8539 AAB
MAHATHIR - DADAH

I

KUALA LUMPUR, 27 JAN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENYERU PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (PBB) MEMBERI KEUTAMAAN KEPADA USAHA MEMERANGI PENYALAHGUNAAN DAN PENGEDARAN DADAH.

KATANYA, USAHA YANG DIJALANKAN OLEH PBB KE ARAH ITU SEPERTI MENGADAKAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA MENGENAI PENYALAHGUNAAN DAN PENGEDARAN DADAH (ISDAIT) PADA TAHUN LALU, HENDAKLAH DIKEKALKAN.

KATA PERDANA MENTERI, PERSIDANGAN ITU TELAH MENINGKATKAN KEPEKAAN DI KALANGAN MASYARAKAT DUNIA KEPADA USAHA UNTUK MEMBEBASAKAN DUNIA DARIPADA PENYALAHGUNAAN DADAH.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN DALAM PERUTUSANNYA KEPADA SETIAUSAHA AGUNG PBB, JAVIER PEREZ DE CUELLAR SEMPENA HARI ANTARABANGSA BAGI MENENTANG PENYALAHGUNAAN DAN PENDEKARAN DADAH SEMALAM.

TEKS UCAPAN BELIAU DIKELUARKAN OLEH WISMA PUTRA DI SINI HARI INI. -- LAGI
2310MST 27 06 88

0839

R 8540 AAB
MAHATHIR - DADAH 2 KUALA LUMPUR

I

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA ENCIK DE CUELLAR KERANA USAHANYA DAN BERKATA ICDAIT TIDAK MUNGKIN DIADAKAN TANPA KOMITMEN BELIAU KE ARAH USAHA MEMERANGI DADAH.

PERDANA MENTERI BERKATA KEPIMPINAN ENCIK DE CUELLAR TELAH MEMBOLEHKAN DUNIA MELIHAT POTENSI SEPENUHNYA SISTEM PBB BAGI MENGATASIU MASALAH ITU DAN MENGGEMBLENGKAN TENAGA KE ARAH MEMERANGI GEJALA ITU.

KATANYA, PERANAN ENCIK DE CUELLAR MEMBOLEHKAN PERSIDANGAN ITU DIADAKAN DAN SEHUBUNGAN DENGAN INI, KESINAMBUNGAN USAHANYA BAGI MENGATASI MASALAH DADAH TIDAK AKAN DILUPAKAN.

BAGAIMANAPUN, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, +PERJUANGAN MENENTANG PENYALAHGUNAAN DADAH BELUM BERAKHIR DAN BANYAK LAGI YANG PERLU DILAKUKAN+.

-- BERNAMA
2312MST 27 06 88